



PASUKAN atlet UTHM yang mendapat tempat ketiga pada kejohanan Masum Fasa 2 di Batu Pahat, Johor, baru-baru ini.

## UTHM muncul tempat ketiga Masum 2012

BATU PAHAT 24 Julai - Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) mendapat tempat ketiga dalam kejohanan Majlis Sukan Universiti Malaysia (Masum) Fasa 2, 2012 yang berlangsung di kampus universiti itu, di sini baru-baru ini.

Pasukan tuan rumah itu memperoleh masing-masing empat pingat emas, perak dan gangsa dalam kejohanan yang menghimpunkan hampir 3,000 atlet dan pegawai dari 20 institusi pengajian tinggi (IPT) seluruh negara.

Sebanyak lapan acara sukan dipertandingkan iaitu bola baling, softball, boling padang, hoki, pencak silat, ping pong, ragbi dan bola keranjang.

Tempat pertama kejohanan itu dimenangi Universiti Teknologi Mara (UiTM) dengan 12 emas, lima perak dan tujuh gangsa manakala Universiti Putra Malaysia (UPM) yang meraih tujuh emas, satu perak dan tiga gangsa muncul naib johan.

Majlis penutup sukan itu berlangsung di Dewan Tunku Ibrahim Ismail,

UTHM dan disempurnakan oleh Timbalan Menteri Belia dan Sukan, Datuk Razali Ibrahim.

Turut hadir Pengerusi Masum, Prof. Madya Datuk Dr. Kasim Md. Mansur; Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa) UTHM, Prof. Dr. Ir. Abdul Aziz Abdul Samad dan Penolong Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni) UTHM, Prof. Ir. Dr. Amir Hashim Mohd. Kassim.

Razali dalam ucapannya menyifatkan kejohanan itu merupakan salah satu platform untuk merealisasikan Dasar Sukan Negara (DSN) yang memberi penekanan kepada sukan untuk semua dan sukan untuk kecemerlangan.

"Pelaksanaan dasar 1Murid 1Sukan (1M1S) yang mewajibkan setiap murid menyertai sekurang-kurangnya satu aktiviti sukan di sekolah dan kejohanan Masum ini untuk menggalakkan sukan secara aktif di peringkat IPT menjadi tunggak penting dalam menjayakan dasar ini.

"Justeru, saya melihat kejohanan

ini memainkan peranan yang besar dalam pembangunan sukan, selain tempat untuk mengetengahkan bakat atlet IPT ke peringkat lebih tinggi," katanya.

Menurutnya, Dasar Pembangunan Sukan IPT pula menyasarkan sekurang-kurangnya 30 peratus atlet negara terdiri daripada penuntut IPT dan beliau yakin jumlah itu dapat dicapai menerusi kejohanan seperti Masum.

Pada majlis itu, Razali turut melancarkan kejohanan Sukan IPT Malaysia (Sukipt) 2012 anjuran Kementerian Pengajian Tinggi yang akan berlangsung pada 27 Oktober hingga 8 November ini.

Sukipt 2012 bakal membabitkan penyertaan lebih 100 kontinjen IPT dari seluruh negara dengan penyertaan kira-kira 15,000 atlet dan pegawai dalam acara seperti olahraga, renang, tenpin boling, sepak takraw, badminton, ragbi, memanah, bola tampar, bola tampar pantai, taekwondo, menembak, catur, karate, tenis dan bola jaring.